

**SOALAN NO. 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN@JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik jumlah golongan warga tua, wanita dan belia di Sabah yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan dari tahun 2003-2013. Berapakah jumlah perbelanjaan bantuan yang telah diberikan kepada golongan ini di Sabah pada tempoh yang sama. Apakah nisbah yang terkini bagi golongan yang menerima bantuan berbanding dengan populasi keseluruhannya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi perhatian dan keutamaan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2013, jumlah keseluruhan penerima bantuan kebajikan di negeri Sabah adalah seramai 61,769 orang dengan jumlah peruntukan RM222,326,478. Bilangan warga emas yang menerima BOT di negeri Sabah pada tahun 2013 adalah seramai 31,177 orang yang melibatkan peruntukan berjumlah RM130, 745,700. Daripada jumlah penerima BOT ini, seramai 16,092 adalah golongan wanita yang menerima peruntukan sebanyak RM67,416,300. Pecahan bilangan penerima BOT bagi tahun 2003 hingga 2013 adalah seperti di Lampiran 1.

Bagi bantuan kebajikan selain BOT, bilangan wanita yang menerima bantuan kebajikan pada tahun 2013 adalah seramai 16,698 orang dengan jumlah peruntukan RM 49,559,827. Pecahan bilangan penerima bantuan selain BOT bagi tahun 2013 adalah seperti di Lampiran 2.

Golongan belia didefinisikan sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Dalam hal ini, bilangan belia wanita yang menerima bantuan kebajikan daripada jumlah keseluruhan wanita di Lampiran 2 adalah seramai 13,484 orang pada tahun 2013, melibatkan peruntukan sebanyak RM48,159,470.

Nisbah terkini bagi golongan yang menerima bantuan berbanding dengan populasi penduduk negeri Sabah ialah 2,010 penerima : 100,000 penduduk.

**BILANGAN PENERIMA BANTUAN ORANG TUA (BOT)  
BAGI TAHUN 2003 HINGGA 2013**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN (ORG)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
<b>2003</b>	<b>12,935</b>	<b>19,697,358</b>
<b>2004</b>	<b>22,066</b>	<b>32,067,488</b>
<b>2005</b>	<b>23,256</b>	<b>31,342,805</b>
<b>2006</b>	<b>25,524</b>	<b>47,369,400</b>
<b>2007</b>	<b>27,636</b>	<b>51,632,890</b>
<b>2008</b>	<b>31,042</b>	<b>78,090,700</b>
<b>2009</b>	<b>99,399</b>	<b>228,176,605</b>
<b>2010</b>	<b>120,496</b>	<b>422,456,600</b>
<b>2011</b>	<b>135,217</b>	<b>477,844,100</b>
<b>2012</b>	<b>152,138</b>	<b>519,297,450</b>
<b>2013</b>	<b>142,124</b>	<b>540,081,900</b>

Lampiran 2

**BILANGAN PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN SELAIN BOT DI  
NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2013**

SKIM BANTUAN	LELAKI		PEREMPUAN	
	BILANGAN (ORG)	JUMLAH (RM)	BILANGAN (ORG)	JUMLAH (RM)
<b>BKK</b>	5,492	21,014,429	4,944	19,365,016
<b>BAP</b>	9	4,350	6	272,545
<b>EPC</b>	567	1,848,750	271	912,150
<b>BPT</b>	1,328	3,892,348	2,080	6,413,090
<b>BTB</b>	86	153,750	76	143,790
<b>BA(NEGERI)</b>	6,312	14,951,750	9,158	22,267,791
<b>AT</b>	110	155,574	163	185,455
<b>JUMLAH</b>	<b>13,894</b>	<b>42,020,951</b>	<b>16,698</b>	<b>49,559,827</b>

Sumber: Bahagian Kebajikan Produktif dan Komuniti, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [ SUBANG ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 56**

**Tuan R. Sivarasa [ Subang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah siasatan dibuat kenapa tindakbalas yang pertama tentang kehilangan pesawat MH370 adalah daripada Ho Chi Minh Air Traffic Control pada jam 1.38 pagi dan bukan daripada KLATCC, dan apakah hasil siasatan itu.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Subang, siasatan sedang dilakukan oleh Pasukan Penyiasat Antarabangsa yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia bagi insiden kehilangan pesawat MAS MH370. Hasil siasatan akan hanya diumumkan setelah siasatan selesai dijalankan.